PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

Kenyataan Media oleh Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Status Kehilangan 55 orang rakyat Malaysia di Nepal

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan (JKP) Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat telah mengadakan mesyuarat JKP Bilangan 13 pada hari ini, 29 September 2026 (Selasa) bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Tujuan mesyuarat ini ialah untuk mendapatkan perkembangan terkini mengenai 55 orang rakyat Malaysia yang gagal dapat dihubungi susulan bencana banjir di Nepal pada 26 Ogos 2026 lalu.

YBrs. Duta Zamani bin Ismail daripada Bahagian Konsular, KLN telah memberikan taklimat mengenai usaha berterusan Kerajaan Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia di Kathmandu, termasuk operasi mencari dan menyelamat (SAR), bantuan konsular kepada keluarga serta rundingan dengan Kerajaan Nepal berhubung tragedi yang melibatkan rakyat Malaysia. KLN turut memaklumkan bahawa pihak Kedutaan Malaysia di Kathmandu telah mengemukakan nota diplomatik dan mengadakan pertemuan dengan Menteri Dalam Negeri Nepal bagi mendapatkan penjelasan mengenai proses selanjutnya dalam misi pencarian dan proses dokumentasi yang berkaitan dengan mangsa yang terlibat.

Antara perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah proses mendapatkan sijil kematian luar negara atau sijil anggapan kematian luar negara sekiranya mangsa masih tidak ditemui dan tiada padanan DNA dengan mangsa yang ditemui sehingga suatu tempoh. KLN juga sedang menyelaraskan perkara ini dengan JPN dan Jabatan Peguam Negara mengikut konteks peruntukan undang-undang Malaysia bagi pendaftaran kematian yang berlaku di luar negara.

JPN menyatakan ketersediaan untuk membantu waris atau *next of kin* (NoK) dalam urusan berkaitan status mangsa sebaik sahaja perakuan rasmi diterima daripada KLN berdasarkan pengesahan pihak berkuasa Nepal. Pengesahan rasmi daripada semua pihak yang terlibat di pelbagai peringkat amat penting agar keluarga yang terlibat tidak terus berdepan ketidakpastian, khususnya dalam urusan rasmi dan perundangan.

Bagi Ahli JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, kehilangan 55 orang rakyat Malaysia itu bukan sekadar angka. Di sebalik setiap nama, ada sebuah keluarga yang sudah lebih sebulan menunggu khabar orang tersayang. Ahli JKP ini berharap agar usaha pencarian diteruskan sedaya upaya dengan kerjasama pelbagai pihak sementara segala urusan dokumentasi dan perundangan dapat diselaraskan dan dipermudahkan bagi ahli keluarga yang terlibat sekiranya kemungkinan realiti yang sukar perlu diterima.

Doa dan ingatan Ahli Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa terus bersama dengan semua mangsa dan ahli keluarga mereka.